

NO SOALAN : 143

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW
[TANJONG]**

SOALAN NO. 143

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) masih beroperasi. Perincikan jumlah peruntukan kepada setiap negeri berserta jumlah kelulusan projek sehingga Mei 2019.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) atau sekarang dikenali sebagai Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) masih beroperasi sehingga kini. Walau bagaimanapun, tiada projek baharu yang diluluskan pada tahun 2019 selaras dengan langkah penjimatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan peruntukan yang diterima adalah bagi membiayai projek-projek sedia ada (sambungan tahun 2017 dan 2018).
2. Namun demikian, KP KT akan mempertimbangkan semula permohonan yang dikemukakan oleh seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada tahun ini dan kelulusan ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang diterima pada tahun 2020. Keutamaan adalah bagi pembaikan yang melibatkan isu keselamatan seperti lif, tangki air, bumbung dan susur tangga.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, perincian jumlah peruntukan mengikut negeri berserta jumlah kelulusan projek adalah seperti berikut:

Maklumat Kelulusan TP1M Mengikut Negeri dan Skim

Bil	Negeri	Jumlah Keseluruhan (2014 hingga 2019)			
		KR	KS	Jumlah	Kos (RM Juta)
1	Johor	102	35	137	68.27
2	Kedah	2	0	2	3.29
3	Kelantan	0	0	0	0.00
4	Melaka	9	6	15	4.78
5	Negeri Sembilan	11	2	13	7.71
6	Pahang	14	5	19	6.23
7	Perak	13	1	14	2.20
8	Perlis	0	0	0	0.00
9	Pulau Pinang	18	12	30	16.90
10	Sabah	6	1	7	3.60
11	Sarawak	0	0	0	0.00
12	Selangor	81	26	107	103.27
13	Terengganu	16	2	18	11.40
14	WP K.Lumpur	16	18	34	19.30
15	WP Labuan	1	0	1	0.08
16	WP Putrajaya	0	2	2	3.57
Jumlah Keseluruhan		289	110	399	250.60

KR - Kos Rendah

KSR - Kos Sederhana Rendah

Sekian, terima kasih.